



Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : JKKP IS 127/438/4/55-58
Tarikh : 5 Mac 2010

Eksekutif Pentadbiran
EFR Management Consultant
2909-B (Level 2)
Jalan Merbau 3, Bandar Putra
81000 Kulaijaya
Johor

Tuan,

Permohonan Pengiktirafan Program Pendidikan Berterusan

Adalah saya merujuk kepada surat permohonan tuan berkenaan dengan perkara di atas.

2. Dengan kuasa-kuasa yang diberikan kepada saya di bawah Peraturan-peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pegawai Keselamatan dan Kesihatan), 1997 saya dengan ini bersetuju untuk mengiktirafkan kursus sepertimana yang disenaraikan di bawah sebagai 'Program Pendidikan Berterusan' bagi maksud untuk memperbaharui pendaftaran Pegawai Keselamatan Dan Kesihatan.

Bil	Tajuk	No Kelulusan CEP	Bil Hari
1	Implementation of Understanding & OHSAS 18001 OSH Management System	JKKP IS 127/438/4/55	2
2	Occupational Safety & Health Internal Auditing & Workplace Inspection	JKKP IS 127/438/4/56	2
3	Hazard Identification, Risk Assessment & Risk Control (HIRARC)	JKKP IS 127/438/4/58	2

3. Dimaklumkan dengan ini tuan adalah dibenarkan menjalankan kursus yang tersebut di atas dengan syarat berikut:-

- i. Program yang akan dianjurkan mestilah mengikut modul dengan seorang tenaga pengajar sahaja iaitu En. Edly Ferdin Ramly yang dikemukakan, disemak dan telah diluluskan oleh Jabatan ini.
- ii. Markah yang diperuntukan untuk program ini adalah **15 markah** untuk setiap kursus.

- iii. Pihak tuan dikehendaki mempamerkan **Diluluskan sebagai CEP untuk SHO:JKKP IS 127/438/4/xx. Jumlah markah CEP: 15 markah** pada sudut kiri sebelah bawah sijil kehadiran yang akan dikeluarkan.
- iv. Jabatan ini akan menghantar dua(2) orang pegawai untuk menghadiri program ini bagi tujuan pemantauan kandungan kursus.
- v. Pihak tuan juga diminta untuk memaklumkan kepada jabatan ini secara bertulis dalam sekurang-kurangnya **3 minggu sebelum** sebarang program yang telah diluluskan ini hendak dijalankan.
- vi. Senarai lengkap nama dan no. kad pengenalan Pegawai Keselamatan dan Kesihatan yang berdaftar yang menghadiri kursus ini sahaja hendaklah dikemukakan kepada Jabatan ini untuk perhatian **Pn. Nurul Hamizah binti Baharan (nhamizah@mohr.gov.my)** dalam tempoh **3 minggu selepas** program selesai dijalankan.
- vii. Kelulusan ini diberi untuk tempoh **setahun** dari tarikh surat ini. Sekiranya pihak tuan ingin meneruskan kursus-kursus yang tersebut di dalam Jadual di atas, pihak tuan hendaklah membuat permohonan pembaharuan ke Jabatan ini (30) hari sebelum tarikh tamat kelulusan.

4. Perlu diingatkan di sini bahawa Jabatan ini boleh membatalkan kelulusan ini bila-bila masa sekiranya terdapat pelanggaran kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menurut perintah,


(**DATO' Ir. Dr. JOHARI BIN BASRI**)
Ketua Pengarah
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
Malaysia.